

Kantin sekolah dimasuki pencuri

Oleh Norain Aqilah Miswan
November 27, 2020 @ 12:57 pm



tingkap kantin sekolah yang diumpil pencuri

Selangor: Kantin Sekolah Rendah Agama Nurul Iman di sini, telah dipecah masuk pencuri melalui tingkap kantin sekolah menyebabkan pelbagai jenis barangan hilang termasuk peti sejuk beku dan tonggas.

Kejadian itu dipercayai berlaku pada pagi Isnin 15 November 2020 selepas guru besar sekolah berkenaan Miswan Taib, 52, menerima aduan berkaitan kejadian tersebut daripada pemilik kantin sekolah yang telah menghubunginya sekitar jam 6:45 pagi.

Menurutnya, banyak barang yang dicuri, antaranya peti sejuk beku, enam tonggas, bekalan makanan kering dalam peti sejuk beku, barang runcit lain, duit syiling dan sebagainya.

“Saya percaya pencuri masuk melalui tingkap, dan membawa barang-barang keluar mengikut pintu belakang. Saya percaya mereka masuk ke dalam premis itu melalui tingkap yang ada pagar,

Ini merupakan kecurian kedua yang berlaku ketika Perintah Kawalan Pergerakan dilaksanakan yang menyaksikan semua sekolah ditutup bagi mengekang penularan wabak COVID-19.

Sementara itu, pemilik kantin Basirun Muhammad 38, berkata pada awalnya dia datang ke kantin sekolah ingin mengemas barang-barang untuk dibawa pulang, tetapi tidak sangka lain pula jadinya.

“Perasaan saya ketika itu, terkejut juga walaupun ini merupakan kecurian kali kedua tetapi saya tak sangka. kerana perkara ini berlaku ketika Perintah Kawalan Pergerakan dilaksanakan.”

Katanya, beliau kemudian membuat laporan polis dan menyerahkan segalanya kepada polis untuk mengambil tindakan selanjutnya.